Latihan 1: Sambung cerita di bawah ini dengan melengkapkan perenggan akhirnya.

Biar Putih Tulang

Alkisah pada zaman dahulu, kehidupan sekumpulan haiwan di sebuah negeri ***umpama tikus jatuh ke beras***. Mereka hidup dengan ***aman damai***. Malangnya, pada suatu hari, negeri mereka telah diserang oleh jentolak. Negeri mereka diceroboh secara haram. Dengan rakusnya, jentolak itu menumbangkan pokok-pokok yang telah berusia beratus-ratus tahun.

Syahadan, Sang Gajah yang gagah seperti Badang memanggil warga negeri itu berkumpul. Seterusnya, Sang Gajah berkata "Wahai penduduk negeri Indah Permai, ***bersatu kita teguh, bercerai kita roboh***!" "Marilah kita bersatu hati mempertahankan negeri ini ***hingga titisan darah terakhir***," kata Sang Merang.

Tiba-tiba, haiwan-haiwan di situ terdengar suatu suara. "Ah, aku mahu lari dari sini!" kata Sang Biawak yang menyebabkan haiwan lain terpaku ***bagaikan dipanah halilintar***. "***Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri***. Aku tetap cinta akan negeriku," kata Sang Siput sambil mengesot ke arah Sang Biawak. "***Biar putih tulang, jangan putih mata***," kata Sang Gajah.

Akhirnya_____

_____

_____

_____.

LIVEWORKSHEETS

Latihan 2: Berikan maksud peribahasa di bawah ini dengan merujuk kamus atau membuat carian menggunakan ***Google***.

No	Peribahasa	Maksud Peribahasa
1	***umpama tikus jatuh ke beras***	orang yang mendapat rezeki yang mewah
2	***aman damai***	
3	***bersatu kita teguh, bercerai kita roboh***	
4	***hingga titisan darah terakhir***	
5	***bagaikan dipanah halilintar.***	
6	***Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri***	
7	***Biar putih tulang, jangan putih mata***	

Latihan 3: Bina 3 ayat menggunakan peribahasa di bawah ini.

Contoh : Abu **umpama tikus jatuh ke beras** apabila mendapat hadiah sejuta ringgit daripada pertandingan itu.

Aman damai

1. _____

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh

2. _____

Bagaikan dipanah halilintar

3. _____

LIVEWORKSHEETS